

Fenomena air pasang besar seminggu

» *Paras laut di Selat Tebrau dijangka cecah sehingga 3.7m Selasa depan*

Oleh Junita Mat Rasid, S Anand Kumar dan Siti Azila Alias
bhnews@bh.com.my

► Johor Bahru

Fenomena air pasang besar dijangka berlaku di Selat Tebrau di sini, selama seminggu, pada minggu depan.

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) memaklumkan, fenomena itu yang mencapai paras laut sehingga 3.7 meter, dijangka bermula pada Selasa ini hingga 30 November.

Laman web MBJB memaklumkan, jika hujan lebat berterusan ketika air pasang besar, ia boleh menyebabkan banjir terutama di kawasan bandar dan kawasan rendah berhampiran tepi pantai atau sungai.

“MBJB memohon kerjasama

orang ramai dan penduduk yang berada di kawasan berkenaan supaya lebih bersedia dan berwaspada sepanjang tempoh fenomena air pasang besar itu,” kata laman web itu.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) memramalkan ribut petir di satu dua tempat di Johor sehingga Selasa ini.

Menurut laman web jabatan itu, cuaca mendung diramalkan pada sebelah pagi di kawasan pantai esok, manakala ribut petir di satu dua tempat pada waktu petang.

“Bermula Jumaat (esok) hingga Selasa ini, hujan dijangka di satu dua tempat di kawasan pantai dengan keadaan bertukar ribut petir di beberapa tempat pada sebelah petang. Pada sebelah malam, dijangka hujan di satu dua tempat,” kata laman web itu.

Jalan ditenggelami air

Isnin lalu, hujan lebat dalam tempoh sejam menyebabkan beberapa jalan utama ditenggelami air terutama di sekitar pusat bandar terutama di Jalan Wong Ah Fook di sini, ditenggelami air sehingga 1.5 meter hingga menyebabkan berpuluh kenderaan ter-

perangkap dalam banjir kilat.

Banjir kilat itu dipercayai berpunca daripada hujan lebat luar biasa dan fenomena air pasang.

Sementara itu, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata kerajaan akan mengkaji semula sistem perparitan dan saliran khususnya di kawasan bandar di seluruh negara bagi mengelakkan banjir kilat sehingga merosakkan harta benda awam.

Beliau berkata, sistem sedia ada tidak mampu lagi menampung jumlah aliran air yang banyak disebabkan faktor perubahan iklim cuaca luar biasa.

Katanya, jika dahulu kedala-

man sistem saliran dan perparitan dibina kira-kira tiga meter, ia tidak lagi cukup untuk menampung jumlah air pada masa kini kerana taburan hujan meningkat dalam masa singkat.

Contohnya, banjir kilat di Jalan Wong Ah Fook disebabkan taburan hujan pada hari kejadian ialah 85 milimeter (mm) melepasi tahap bahaya iaitu 75mm dalam tempoh sejam sejak jam 12 tengah hari, manakala air pasang laut pula 3.4 meter.

“Akibat pertembungan taburan hujan yang tinggi dan air pasang dalam tempoh sejam mulai jam 12.35 tengah hari hingga jam 1.40 tengah hari, berlaku banjir kilat di kawasan itu hingga

menyebabkan banyak harta benda awam rosak,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri sesi taklimat banjir kilat di bilik mesyuarat Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) di sini, semalam.

Pasang pam di sungai

Abdul Rahman berkata, beliau sudah meminta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) memasang enam pam di Sungai Segget di sini, bagi mengepam keluar air ke laut dalam usaha mengelak berlaku banjir kilat.

Beliau berharap pemasangan pam itu boleh diselesaikan minggu depan.

“Ini adalah antara langkah jangka pendek bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan berkenaan dan saya minta IRDA menyegerakan pembelian pam membabitkan kos kira-kira RM20,000 seunit,” katanya.

Enam pam itu mampu mengepam kira-kira 1,000 liter air sesaat yang berupaya mengalirkan air ke laut jika berlaku peningkatan air, sebelum projek tebatan banjir Sungai Segget siap sepenuhnya pada Jun 2016.

INFO

© Tarikh	Masa pasang besar	Ketinggian air laut
© 24 November	9.49 pagi - 10.38 malam	3.5m
© 25 November	10.33 pagi - 11.27 malam	3.6m - 3.7m
© 26 November	11.15 pagi	3.7m
© 27 November	12.15 malam - 11.56 pagi	3.7m - 3.7m
© 28 November	1.02 malam - 12.37 pagi	3.7m
© 29 November	1.49 malam - 1.15 petang	3.6m
© 30 November	2.36 malam - 1.53 petang	3.5m